



# KOPI PAHIT

Tuan David Marshall telah mendatangkan pertanyaan kepada kerajaan adakah kerajaan membantu orang-orang yang naik haji. Sepanjang yang diketahui, baik di Singapura ataupun di Persekutuan, belum pernah kerajaan membantu orang-orang naik haji. Yang ada ialah orang-orang atau kakitangan kerajaan yang diberi cuti dengan tambang percuma sebagai balasan jasa-jasa kerja lama mereka, sedang untuk orang ramai yang bukan kakitangan kerajaan tidak ada. Apakah tujuan pertanyaan ini? Orang harus akan berkata “almaklumlah” orang-orang sekarang cuba menarik hati orang-orang Islam. Begitulah nasibnya Islam – mudah ditarik-tarik! Ingatlah!

\* \* \*

Tatkala membuka perjumpaan mengadakan Jawatankuasa Mawlid Nabawī Sharīf, Haji Ya’acob Mohamed menyatakan bahawa dengan adanya perjumpaan yang dianjurkan oleh *Jamiyah* dan dengan perpaduan yang ada bahawa nyatalah kepada semua orang bahawa tidak ada perpecahan di dalam golongan Islam di Singapura. Siapakah yang mengatakan ada perpecahan itu? *Jamiyah* tidak menyertai Muktamar tidak bermakna membawa perpecahan – *Jamiyah* hanya tidak sesuai dengan dasar adanya Muktamar ia bebas membuat pendapat dan fikiran. Kalau *Jamiyah* hendak memecahbelahkan tentunya ia dengan rasmi mengeluarkan pendapatnya tetapi selama itu *Jamiyah* tidak memberi sedikit pun dengan rasmi pandangannya sebab takut dituduh memecahbelah. Kalau ribut di surat khabar dijadikan hujah – maka perkara itu bukan perkara *Jamiyah*.

\* \* \*

Dato’ Syed Ibrahim Alsagoff memberi kenyataan kepada umum bahawa beliau meletakkan jawatannya sebagai Yang di-Pertua *Jamiyah* kerana ahli-ahli jawatankuasa *Jamiyah* tidak mau mengikut nasihat beliau. Keputusan yang tak mengikut nasihat beliau ialah 2 – 7. Satu daripada dua orang itu ialah Naib Yang di-Pertua *Jamiyah* yang menjadi juga ahli

Pertubuhan Muslimin. Barangkali Dato’ Syed Ibrahim lupa

– sekarang zaman demokrasi – bukan zaman diktator<sup>1</sup>

dan ikut telunjuk.

\* \* \*

Di dalam kenyataannya XXX<sup>2</sup>, Dato’ Syed Ibrahim

Alsagoff menyatakan bahawa Nabi pun pernah mengubah keputusan yang telah diambil. Betul Dato’: Orang tahu tetapi orang bertanya wahyu atau tidak wahyu orang tahu pula bahawa Rasulullah (S.A.W.) telah pernah pula berjalan sebagai seorang pemimpin melaksanakan keputusan ramai – dan beliau tidak mau berbalik daripada apa yang telah diputuskan – begitulah pimpinan Rasulullah sebagai pemimpin – beliau tidak undur dan berpatah hati dalam menjalankan keputusan bersama.

\* \* \*

Ustaz Othman Abdullah telah meninggalkan PAS lalu masuk kepada Perikatan – menyeberang! Orang bertanya-tanya. Mengapa pula ditanya kerana begitulah sifat orang-orang politik yang tidak kuat asasnya – sudah **terbalik**, kata Almarhum Kajai! Terbaliklah! Apa peduli! Yang lama jangan diingat-ingat, sebab lidah tak bertulang.

\* \* \*

Tengku Haji Osman, seorang yang mengaku ulama Indonesia, tatkala mengatakan loteri kebajikan itu halal dikatakan telah menyatakan bahawa alasannya adalah berdasar kepada firman Allah yang katanya maksudnya bahawa “Sesungguhnya Tuhan tidak mengharamkan sesuatu perkara dalam dunia ini kecuali kalau perkara itu mendatangkan kerosakan.” Dan kerana itulah katanya “Loteri kebajikan masyarakat tidak mendatangkan kerosakan malah banyak memberi kebajikan dan kebaikan kepada orang-orang miskin dan lain-lain dalam masyarakat di sini.”

Beberapa orang ahli tafsir di Singapura telah menggaruk-garuk kepalanya mencari ayat Qur'an yang dikehendaki semakna dengan yang dikatakan Tengku Osman itu tetapi tidak dapat. Harus barangkali ada Qur'an lain *wallāhu a 'lam*. Tanyalah sahaja kepada Tengku Osman apa ayat itu. Baik-baik Bung – orang di Malaya tidak buta dan tidak bodoh!

– Cemeti al-Farouk.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah ‘diktator’.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar tidak jelas.